

Tip mudah urus duit belanja sekolah

Setiap hari atau setiap bulan, pastinya anda menerima duit belanja sekolah daripada ibu bapa dan lazimnya, mereka akan berpesanan supaya berjimat cermat serta simpan lebih wang ke dalam tabung.

Adakah anda mengikut nasihat mereka atau wang anda habis begitu saja?

Mungkin anda pernah cuba menabung, tetapi tidak berjaya kerana anda sendiri tidak tahu bagaimana duit itu habis menjelang hujung hari atau bulan.

Ini menyebabkan anda masih perlu meminta ibu bapa setiap kali inginkan sesuatu, dan kesudahannya anda mungkin berputih mata.

Justeru, bagaimana untuk uruskan duit belanja supaya tidak perlu lagi meminta dari ibu bapa setiap kali ingin membeli buku cerita, pen dan buku nota yang bergaya atau menonton wayang bersama rakan.

Jom ikuti 4 tip mudah berikut:

1 Masuk tabung dulu, baru ke sekolah

Katakan duit belanja sekolah anda ialah RM5 sehari, apa kata masukkan dulu RM1 ke dalam tabung dan selebihnya bawa ke sekolah untuk dibelanjakan. Dengan cara ini, anda tidak perlu bimbang akan terbelanja duit berkenaan kerana ia sudah pun diketepikan

2 Bawa bekal

Jika ibu bapa mempunyai masa, minta mereka sediakan bekal untuk anda. Jika bukan bekal makanan, bawa bekal air dari rumah pun sudah cukup supaya tidak perlu membeli air di sekolah.

3 Kenali perbezaan antara keperluan dan kehendak

Keperluan ialah sesuatu yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal manakala kehendak ialah apabila anda inginkan pakaian yang berjenama atau memilih makanan segera berbanding nasi lemak bungkus.

Memenuhi kehendak menyebabkan ramai kehabisan wang tanpa di sedari. Ini berlaku kerana anda lebih suka membeli air soda berkarbonat RM1.50 sedangkan anda boleh membeli air sirap pada harga 50 sen.

Memilih untuk memenuhi kehendak menyebabkan wang habis dengan pantas dan kemungkinan untuk menabung langsung tiada.

Jadi langkah pertama untuk menabung ialah kurangkan berbelanja untuk kehendak, sebaliknya pilihlah barangan berdasarkan keperluan.

4 Minta masukkan duit ke dalam ASB

Setiap kali tabung anda penuh, gunakan kaedah 10:10:80 iaitu 10 peratus untuk belanja diri sendiri, 10 peratus untuk belanja rakan atau ibu bapa dan selebihnya minta untuk dilaburkan, contohnya ke dalam Amanah Saham Bumputera (ASB).

Mengapa kena laburkan? Supaya wang yang anda simpan menerima pulangan dan terus bertambah dari tahun ke tahun.

Tetapi ingat, jangan lupa meminta kebenaran sebelum menggunakan wang tabungan walaupun ia adalah duit anda. Ibu bapa atau orang dewasa lain boleh membantu anda membuat keputusan pembelian yang bijak.

Perancangan kewangan yang betul akan membantu kita berbelanja secara berhemah untuk menyimpan dan melabur.



KATEGORI REMAJA
13-17 tahun

KUIZ PELABURAN PNB

Online

#capaikemerdekaankeuangan

HADIAH UNTUK DIMENANGI

RM5,000

1x

HADIAH KEDUA | **HADIAH KETIGA** | **HADIAH KEEMPAT** | **HADIAH KELIMA**
2 x RM3,500 | 3 x RM2,500 | 5 x RM1,000 | 20 x RM300

SAGUHATI 225 x RM100

*Hadiah dalam bentuk unit amanah ASNB



Soalan Kuiz Pelaburan PNB:

- Untuk membina tabungan, anda perlu bijak membezakan antara keperluan dan kehendak sebelum membelanjakan wang yang diterima. Manakah antara berikut merupakan keperluan?
 - Membeli pakaian berjenama dan telefon pintar
 - Membeli air soda berkarbonat
 - Membeli air sirap dan nasi lemak bungkus
- Hutang ialah kemudahan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan yang baik seperti membeli rumah atau menyambung pengajian. Berikut ialah tip menguruskan kewangan dan hutang KECUALI:
 - Buat bajet
 - Boros berbelanja
 - Berbelanja mengikut kemampuan
- Wang yang dikumpul perlu dilaburkan untuk memastikan nilainya tidak mengecil dan jumlahnya terus bertambah. Katakan anda melabur RM500 dalam XYZ dan menerima dividen 5% selepas setahun. Berapakah jumlah dividen yang anda terima?
 - RM30
 - RM25
 - RM50
- Usia yang muda jangan disia-siakan. Lebih awal anda mula melabur, lebih panjang tempoh pelaburan dan lebih besarlah peluang membina tabungan yang kukuh. Berikut ialah cara untuk membina tabungan lebih pantas dalam jumlah lebih besar KECUALI:
 - Melabur secara konsisten setiap bulan ke dalam instrumen pelaburan seperti unit amanah
 - Simpan wang dalam akaun simpanan di bank
 - Tidak mengeluarkan wang pelaburan sesuka hati sehingga mencapai matlamat yang ditetapkan
- Apabila seseorang itu melabur, mereka perlu mengetahui mengenai risiko dan pulangan. Biasanya lebih tinggi risiko, lebih tinggi pulangan pelaburan yang boleh diharapkan. Apakah yang dimaksudkan dengan risiko dalam pelaburan?
 - Kemungkinan menanggung kerugian daripada pelaburan
 - Terdedah kepada kemiskinan
 - Kebarangkalian ditahan pihak berkuasa
- Borang perakuan ini akan diterbitkan bersama satu artikel berlainan tajuk selama 5 hari bermula dari 1 Oktober hingga 5 Oktober 2020. Dalam setiap artikel, satu kata kunci telah diwarnakan. Nyatakan 5 kata kunci berkenaan.

Kaedah Penyertaan

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun – 17 tahun
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line);
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut perakuan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan: 25 Oktober 2020

